

17/0/82 17 AUG 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SELASA, 17 OGOS, 1982

PEMIMPIN UNGGUL: POPULAR ATAU SEDERHANA?

APABILA seorang pemimpin berusaha mengekalkan kepopularannya, usaha itu bukanlah tidak bersebab. Tidak ramai orang yang mempunyai sifat karisma yang dengan sendirinya boleh menonjolkannya sebagai pemimpin berterusan. Apabila sampai tempohnya mereka harus berhadapan semula dengan pemilih. Pemilihan mereka kembali sebagai pemimpin ditentukan oleh undi popular. Oleh kerana sebahagian besar pemimpin berhasrat mengekalkan kepimpinan mereka, dan setengahnya pula bercita-cita tinggi untuk meningkatkan darjah kepimpinan itu, terdapatlah yang berusaha menjadikan diri pemimpin popular.

Soalnya ialah apa kaedah yang digunakan untuk mencapai kepopuleran itu. Setengahnya berusaha dengan gigih dan jujur mencapainya hasrat umum rakyat, iaitu peningkatan kemajuan, mengikut landasan demokrasi dan dasar-dasar yang telah ditetapkan. Tetapi hasil pembangunan tidak boleh dicapai dengan segera, dan harapan rakyat pula sentiasa meningkat

menyebabkan apa yang dicapai hari ini sudah tidak lagi memenuhi harapan mereka. Jadi, tanpa sokongan sifat karisma tersendiri, kepopuleran tidak mudah didapati melalui kaedah ini. Kerana itulah sebilangan pemimpin yang bercita-cita tinggi mencari populariti dengan memekikkan tuntutan-tuntutan ekstrim.

Akibatnya amatlah buruk, dan inilah yang membimbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ini bukan saja menjadikan mereka terperangkap mengendalikan kehendak ekstrim kumpulan yang mereka pimpin supaya mereka terus mendapat sokongan tetapi juga terpaksa bergantung kepada sesuatu yang sukar atau tidak mungkin diperolehi. Apabila kehendak yang dipimpin tidak berjaya dihasilkan, mereka akan semakin merasa tidak puas hati — keadaan yang tentunya memaksa pemimpin berkenaan mengambil langkah lebih agresif. Tuntutan yang ekstrim biasanya bermula dua — ia disokong dengan ghalib oleh suatu pihak tetapi menyentuh sen-

sitiviti pihak lain. Tindakan agresif dalam menuntutnya pula nescaya menimbulkan kemarahan dan tindak balas yang buruk.

Kerana itulah Dr. Mahathir menasihati pemimpin-pemimpin supaya mengikut jalan sederhana. Sesungguhnya ini tidak mudah dilakukan jika cita-cita utama pemimpin berkenaan ialah mengekal dan meningkatkan darjah kepimpinannya saja. Waktu beliau memberi nasihat ini tentunya membuat kebanyakan orang menyangka ia ditujukan kepada calon-calon yang bakal merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO. Tetapi tuntutan-tuntutan ekstrim, termasuk pada hari beliau berucap itu sendiri, kerap datang dari komponen-komponen lain Barisan Nasional. Sebelum ini pun beliau kerap mengingatkan supaya pemimpin-pemimpin jangan mengungkit dasar-dasar yang telah diputuskan dan diterima bersama. Jadi ingatan beliau adalah untuk semua, demi kepentingan perpaduan dan kesejahteraan negara.